

bah

Mahathir - Kualiti

PENTINGKAN KUALITI BUKAN KUANTITI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Syarikat-syarikat bumiputera perlu mengubah sikap daripada terlalu mementingkan kuantiti kepada mementingkan kualiti dalam pengurusan bagi memastikan kejayaannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat itu perlu mencontohi kejayaan beberapa syarikat bumiputera yang bukan sahaja berjaya di dalam negara tetapi turut diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Perubahan daripada kuantiti kepada kualiti penting kerana kalau wang dibekalkan kepada orang yang tidak tahu menguruskannya, syarikat itu tidak akan lama menjadi gergasi tetapi sebaliknya menjadi kerdil dan terus luput," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung perwakilan tahunan ke-14 Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Bhd (KUB) di sini.

Beliau berkata kualiti yang dimaksudkannya bukan hanya membabitkan barang keluaran sesebuah syarikat tetapi lebih penting lagi pengurusannya, yang banyak bergantung kepada pendirian, sikap dan nilai mereka yang terhabit.

Dalam hal ini, Dr Mahathir bangga kerana beberapa syarikat yang diurus oleh bumiputera telah disenaraikan sebagai antara 500 syarikat terkemuka di dunia oleh majalah Fortune. -- Lagi.

▼16/07/15-27MST

R GB 16-07 00201 BA321

bah

Mahathir - Kualiti 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata pada masa lepas kerajaan terlalu memberi kepentingan kepada jumlah penyertaan bumiputera dalam ekonomi negara tanpa mementingkan kualiti mereka sehingga menyebabkan banyak daripada mereka yang terlibat itu gagal mengekalkan prestasi.

Ketika menyentuh perjalanan KUB, Dr Mahathir berkata beliau bangga kerana koperasi itu yang pada satu masa dahulu menanggung beban hutang yang banyak kini mampu mencatat keuntungan yang besar dalam tempoh tiga tahun sahaja.

Kedadaan ini, katanya, menyebabkan KUB kini dipercayai oleh syarikat-syarikat lain yang menerimanya sebagai rakan perniagaan dan beliau percaya prestasi itu akan dapat dikekalkan pada masa depan.

Dalam hal ini beliau mengingatkan anggota KUB tentang pentingnya mereka memilih satu pasukan pengurusan yang cekap dan tidak menjadi alat kepada mereka yang mempunyai niat kurang baik terhadap koperasi itu.

Beliau mengingatkan semua anggota KUB bahawa koperasi itu pernah hampir dimusnahkan oleh golongan tertentu yang mahu menggunakannya untuk kepentingan peribadi tanpa memberi perhatian kepada perniagaan.

"Anggota koperasi dijadikan alat kepentingan tertentu hingga ia menjadi sebuah badan yang memalukan kita," katanya dan mengingatkan bahawa kemungkinan KUB mengalami masalah sekali lagi adalah besar sekiranya undi diberikan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab. -- Lagi.

▼16/07/15-29MST

R GB 16-07 00129 BA322

bah

Mahathir - Kualiti 3 Kuala Lumpur

"Kalau hendak pilih, pilihlah orang yang tahu tentang pengurusan, orang yang sudah terbukti kebolehannya," kata beliau.

Dr Mahathir juga mengingatkan mereka yang bercita-cita untuk memimpin KUB supaya jangan menyalahkan orang lain sekiranya tindakan diambil terhadap mereka sekiranya mereka gagal mentadbir dengan baik.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan perjalanan KUB setakat ini yang tidak memerlukan pertolongan yang banyak daripada kerajaan.

Beliau berharap koperasi itu akan terus diurus dengan baik kerana ia mempunyai potensi yang cukup baik.

Pengerusi KUB, Encik Hassan Harun dalam taklimatnya berkata koperasi itu bersedia memainkan peranan lebih besar dalam sebarang projek penswastaaan yang dianjurkan oleh kerajaan. -- Bernama

JO NMO

16/07/15-31MST